

**UCAPAN
YANG MULIA
AWANG KIFRAWI BIN DATO PADUKA HAJI KIFLI
DI UPACARA PEMBUKAAN TAHUN UNDANG-UNDANG
9 FEBRUARI 1999**

**UCAPAN
YANG MULIA
AWANG KIFRAWI BIN DATO PADUKA HAJI KIFLI
DI UPACARA PEMBUKAAN TAHUN UNDANG-UNDANG
9 FEBRUARI 1999**

Saya amat gembira kerana dapat berucap sebagai Peguam Negara. Saya, bagi pihak Jabatan Peguam Negara, ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan Mahkamah, pengamal undang-undang persendirian, pegawai penguatkuasaan undang-undang dan pegawai Kerajaan yang lain kerana memberi kerjasama dan bantuan dalam usaha berterusan kita pada mendukung kedaulatan undang-undang dan menjalankan dengan sewajarnya jentera keadilan kita.

PERUNDANGAN

Pada tahun 1998 yang lalu beberapa undang-undang telah diluluskan. Saya tidak berhajat untuk menyebut semuanya.

Beberapa kesalahan baru di bawah Kanun Hukuman Jenayah telah diperkenalkan pada tahun 1998. Bab 277A dari Kanun Hukuman Jenayah memperuntukkan kesalahan-kesalahan yang disebabkan oleh api yang dimaksudkan untuk menghentikan pembakaran terbuka semasa kemarau panjang pada tahun lalu.

Bab 435 memperuntukkan kesalahan khianat dengan api atau bahan letupan dengan niat untuk menyebabkan kerosakan boleh dihukum mati, jika perbuatan tersebut menyebabkan kematian kepada mana-mana orang.

Bab 308A dari Kanun Hukuman Jenayah memperuntukkan kesalahan baru membunuh anak damit boleh dihukum penjara selama suatu tempoh sehingga 10 tahun, dan boleh juga dikenakan denda.

Ini adalah kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana perempuan yang menyebabkan kematian anaknya yang berumur 12 bulan ke bawah dan pada masa itu fikirannya terganggu akibat dari melahirkan anak itu.

Kesalahan-kesalahan baru di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah baru-baru ini telah diwujudkan. Memperdagangkan tanpa kebenaran, memiliki untuk tujuan memperdagangkan, mengilang, mengimport dan mengeksport dadah methylamphetamine (juga dikenali sebagai shabu/ice) dan MDMA (juga dikenali sebagai ecstasy) dalam jumlah tertentu boleh dihukum mati.

Perintah Darurat (Kesihatan Awam) (Makanan) telah dibuat pada tahun lalu untuk memastikan bahawa makanan yang dibawa masuk dan dijual kepada orang ramai adalah sesuai untuk makanan manusia dan tidak membahayakan kesihatan awam.

Perintah Darurat (Daging Halal) telah dibuat untuk memastikan bahawa daging yang dibawa masuk atau dijual kepada orang ramai adalah halal, sesuai untuk dimakan oleh orang Islam.

Perintah Darurat (Mahkamah Syariah) telah dibuat pada tahun lalu untuk membuat peruntukan tertentu berkaitan dengan penubuhan Mahkamah-Mahkamah Syariah, lantikan-lantikan dan kuasa-kuasa Hakim Syariah dan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Syariah dan perkara-perkara lain berhubung dengan prosiding Mahkamah-Mahkamah Syariah. Mahkamah-Mahkamah ini akan menggantikan Mahkamah-Mahkamah Kadi yang sedia ada.

PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG

Mengenai Undang-Undang Brunei Jabatan Peguam Negara telah pun mula menyediakan Jilid-Jilid tambahan kepada Edisi

Semakan pada masa ini, untuk meliputi Perintah-Perintah Darurat yang telah dibuat sejak tahun 1984. Pruf-pruf akhir sudah pun dihantar kepada Jabatan Percetakan.

PEJABAT TIMBALAN PENDAKWA RAYA

Saya telah diberitahu bahawa penubuhan pejabat Timbalan Pendakwa Raya baru-baru ini di Bangunan Mahkamah telah didapati berguna kepada Pendakwa-Pendakwa Polis dan pegawai-pegawai penguatkuasaan undang-undang yang lain. Saya juga berharap Mahkamah dan anggota-anggota Badan Peguam akan mendapatinya mudah untuk menjumpai pegawai-pegawai Jabatan saya di Bangunan Mahkamah, dan berharap kita dapat menyelesaikan sebarang perkara yang masih belum selesai dan segera.

STATISTIK JENAYAH

Seperti lazimnya di upacara ini, saya ingin merujuk kepada kejadian jenayah di negara ini.

Mengikut statistik yang dikumpulkan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei, terdapat 2,750 kes yang dilaporkan pada tahun 1998 berbanding dengan 3,269 pada tahun 1997 dan 3,152 pada tahun 1996. 2,120 tangkapan telah dibuat dan 1,217 kes telah diselesaikan. Jumlah kesalahan terhadap orang menurun dari 340 pada tahun 1997 kepada 338 pada tahun 1998. Kesalahan-kesalahan terhadap harta benda juga menurun dari 1,529 pada tahun 1997 kepada 1,230 kes pada tahun 1998.

Statistik lalulintas yang dikumpulkan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei menunjukkan bahawa pada tahun 1998 terdapat sejumlah 2,692 kes berbanding dengan 2,945 pada tahun 1997. 50

orang telah mati dalam 39 kemalangan maut berbanding dengan 61 kematian pada tahun 1997.

Pada tahun 1998 sejumlah 423 orang telah ditangkap kerana kesalahan-kesalahan di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah berbanding dengan 510 pada tahun 1997.

Biro Mencegah Rasuah telah menerima 146 maklumat pada tahun 1998 berbanding dengan 167 pada tahun lalu. 2 orang hadir di mahkamah untuk menghadapi tuduhan di bawah Akta Pencegahan Rasuah.

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja telah membuat 150 tangkapan berbanding dengan 285 pada tahun 1997 kerana kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kastam. 87 kes berbanding dengan 198 pada tahun 1997 telah dibawa ke Mahkamah dan 8 kes telah dikompaun.

Pihak berkuasa Imigresen telah mendakwa 441 orang pada tahun 1998 berbanding dengan 577 pada tahun 1997 dan 876 orang lain telah membuat bayaran kompaun.

PENUTUP

Dengan sukacitanya Yang Amat Arif, saya ingin menamatkan ucapan saya ini.

Saya amat gembira dengan hubungan baik yang telah lama wujud di antara Jabatan saya dan Jabatan Kehakiman serta peguam-peguam persendirian, dan saya berharap ia akan berterusan pada tahun-tahun mendatang. Saya berharap akan dapat hadir di Majlis Makan Malam Tahun Undang-Undang yang dianjurkan oleh anggota-anggota Badan Peguam Brunei.

Bagi pihak Jabatan saya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pesuruhjaya Polis dan pegawai-pegawainya kerana bantuan dan kerjasama mereka. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada mereka yang telah mengatur dan ikut serta dalam upacara ini.

Akhir sekali saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan kepada Yang Arif Arif dan semua orang yang hadir pada pagi ini selamat tahun baru 1999 semoga maju jaya.